

06 OCT 2003

Guru-rotan

GURU-GURU DENGAN KUASA MEROTAN PERLUKAN PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG

IPOH, 6 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia hari ini berkata keputusan membenarkan semua guru untuk merotan pelajar perlu disokong dengan perlindungan undang-undang serta moral terhadap sebarang kemungkinan laporan polis atau tindakan saman di mahkamah.

Setiausaha agungnya, Shahul Hamid Mydin Shah berkata perlindungan sedemikian adalah perlu memandangkan langkah merotan boleh menjadi satu isu dan ia bakal dieksploitasi oleh sesetengah pihak dengan menjadikan guru sebagai mangsa.

"Pihak kementerian (Pendidikan) perlu memastikan bahawa guru dibekalkan dengan sokongan undang-undang dan moral. Jika tidak, mereka akan keseorangan menghadapi kemungkinan siasatan polis sekiranya ibu bapa pelajar terbabit membuat laporan (polis)," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat bahawa semua guru akan diberi kuasa guru disiplin, termasuk merotan pelajar.

Shahul berkata keputusan itu adalah selaras dengan laporan oleh Jawatankuasa Pendidikan yang diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan, yang menetapkan bahawa semua guru adalah guru disiplin.

Beliau berkata guru-guru akan mempunyai tanggung jawab sosial untuk mendisiplinkan pelajar memandangkan mereka juga dianggap sebagai guru disiplin juga, berbeza dari keadaan sekarang apabila hanya pengetua dan seorang guru disiplin diberi kuasa untuk merotan.

Menurutnya kebanyakan guru tidak mahu menghadapi masalah dengan merotan pelajar atau mendisiplinkan pelajar kerana mereka dilarang berbuat demikian dan mereka menganggap ia bukan bidang tugasnya.

Beliau bagaimanapun berkata guru-guru juga perlu diberi garis panduan dan kursus bagaimana untuk mendisiplinkan para pelajar melalui tindakan merotan di samping mengelak kecederaan atau hukuman.

"Mereka tidak seharusnya terbawa-bawa dengan perasaan marah semasa merotan pelajar. Sebarang hukuman perlu bercorak mencegah, mengajar, membetulkan daripada menghukum. Ia harus dilakukan supaya pelajar menyedari kesilapan mereka," katanya.

Shahul bagaimanapun berkata masalah disiplin tidak boleh diatasi dengan merotan semata-mata, memandangkan peranan ibu bapa juga adalah penting, terutama dalam memberi kaunseling kepada anak-anak mereka apabila masalah disiplin dikesan.

"Mereka tidak seharusnya meninggalkan semuanya kepada guru-guru. Walaupun guru-guru mempunyai tanggung jawab moral untuk mendidik pelajar untuk menjadi rakyat yang baik, ibu bapa juga perlu membantu usaha-usaha mereka," tambahnya.

Menurutnya polis juga boleh memainkan peranan mereka dengan memantau dan memberi kaunseling kepada pelajar yang ditemui melepak di pasaraya ketika mereka seharusnya berada di sekolah.

-- BERNAMA

AR AZH